

## BAB 6

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 6.1 Pengenalan

Bab 6 akan berfokus kepada kesimpulan dan rumusan penyelidikan seawal ia dijalankan sehingga keakhirnya. Hasil penyelidikan yang diperolehi telah mencapai objektif penyelidikan. Penyelidik juga telah mengetengahkan sejauh mana kewajaran penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia menurut *maqāsid shari'ah*, disamping memberikan beberapa cadangan penambahbaikan dalam menangani isu yang melibatkan sensitiviti umat Islam.

#### 6.2 Rumusan

Kes berkenaan penggunaan kalimah Allah telah mendapat perhatian ramai umat Islam di Malaysia apabila keputusan mahkamah pada tahun 2021 yang membenarkan penggunaan kalimah tersebut diguna pakai oleh penganut Kristian dalam pendidikan mereka. Isu ini juga telah mendapat perhatian sultan dan raja di Malaysia selaku ketua agama Islam, badan-badan keagamaan Islam, badan bukan kerajaan serta para penyelidik dan pakar dalam isu *shari'ah*. Rata-rata hujah yang dibawa oleh penganut Kristian di mahkamah adalah tentang hak perlembagaan mereka iaitu hak kebebasan bersuara dan hak mengamalkan agama. Dari konteks luar juga mereka berhujah bahawa perkataan Allah itu bukan milik orang Islam semata-mata seperti yang digunakan di negara Arab dan di negara Indonesia. Terdapat juga penyelidik-penyelidik yang tidak membangkang penggunaan kalimah Allah oleh orang Kristian atas sebab sejarah dan tidak dinyatakan dalam al-Quran tentang larangan orang bukan Islam untuk menggunakannya.

Namun, apabila dilihat dalam konteks di Malaysia, 'uruf nya di negara ini penggunaan kalimah Allah sejak berzaman sehingga ke kini, Allah merupakan tuhan kepada umat Islam. Konsep yang dipegang oleh penganut Kristian juga amat berbeza dengan konsep yang dipercayai oleh umat Islam. Pihak Mahkamah, telah membuat pengadilan berdasarkan segala hujah dan bukti yang ada. Ia menepati *maqāsid sharī'ah* iaitu *maqāsid juziyyah* yang berobjektifkan keadilan. Namun, penulis melihat bahawa, penarikan semula kes dalam Mahkamah Rayuan pada tahun 2023 oleh kerajaan Malaysia adalah satu tindakan yang terburu-buru sebelum perjuangan sampai ke penghujungnya. Penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia adalah tidak dibenarkan menurut *maqāsid sharī'ah* demi menjaga agama, menjaga diri dan menjaga akal.

### **6.2.1 Asal Usul Penggunaan Kalimah Allah Dalam Kalangan Penganut Agama Kristian**

Perbincangan dalam bab 3, penulis telah mengenalpasti asal usul penggunaan kalimah Allah dalam kalangan penganut agama Kristian dan penggunaannya dalam kitab bible terjemahan Bahasa Melayu.

Dalam kamus Bahasa Arab, kalimah Allah adalah berasal daripada kata (الله). Pelbagai definisi yang telah diberikan seperti setiap yang disembah, maksud sifat keagungan, ketaksuban dalam kecintaan kepada pencipta dan pengabdian. Terdapat empat konsep khusus yang berhubung dengan kalimah Allah yang menjadi asal penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian iaitu pertama konsep kalimah Allah menurut kalangan Arab- pagan iaitu Allah merupakan tuhan mereka. Ia telah digunakan dari zaman nenek moyang mereka lagi bahawa Allah ialah Sang Pencipta, yang menghidupkan segala benda hidup, yang mengetuai sumpah, tempat bagi mereka

memohon pertolongan semasa dalam kesusahan dan tuhan Kaabah. Konsep kedua pula adalah konsep kalimah Allah dalam kalangan Judeo-Kristian iaitu Allah merupakan tuhan mereka kerana bahasa pertuturan mereka merupakan Bahasa Arab. Konsep Allah yang ketiga pula adalah konsep yang digunakan oleh Al-Kitab bahawa kalimah Allah digunakan dalam Al-Kitab adalah untuk menunjukkan ketauhidan Allah sebagai pencipta dan tempat untuk memohon pertolongan ketika dalam kesusahan. Namun konsep ketauhidan mereka adalah berbeza dengan ketauhidan Allah dalam Islam. Konsep terakhir adalah konsep Allah dalam kalangan masyarakat Hanifs iaitu Allah adalah tuhan yang Esa.

Kitab Bible terjemahan Bahasa Melayu, menterjemah kalimah *God* daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu sebagai Allah. Penganut Kristian mempercayai konsep trinitas iaitu tuhan terbahagi kepada tiga; Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus. Kebanyakan daripada penganut Kristian, mereka menterjemah Allah sebagai Tuhan Bapa iaitu *God* manakala Tuhan Anak adalah Jesus iaitu *Lord* seperti contoh yang telah kemukakan dalam bab 2.2.4. Konsep ini adalah bercanggah dengan kefahaman dan penggunaan kalimah Allah oleh umat Islam. Islam menegaskan bahawa Allah itu satu, tidak beranak dan tidak diperanakkan dan adalah satu dosa besar bagi mereka yang mengingkarinya.

#### **6.2.2 Alasan Penghakiman Dalam Isu Penggunaan Kalimah Allah Oleh Penganut Kristian Di Malaysia Dari Perspektif *Maqāsid Sharī'ah***

Perbincangan dalam bab 3 terbahagi kepada 2 keputusan kes iaitu kes Roman Catholic Archbishop v Menteri Dalam Negeri dan kes Jill Ireland Lawrence Bill v Kementerian Dalam Negeri.

Rumusan bagi keputusan kehakiman kes Roman Catholic Archbishop v Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada peringkat awal di Mahkamah Tinggi, keputusan telah memihak kepada pemohon iaitu Roman Catholic dengan alasan ia merupakan hak perlembagaan pemohon dan agama Islam sebagai agama persekutuan tidak boleh dijadikan sebab kalimah Allah itu dilarang daripada digunakan. Pada peringkat rayuan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) di f, keputusan telah memihak kepada KDN dengan alasan bahawa perintah untuk melarang penggunaan kalimah Allah dalam *The Herald* oleh KDN adalah sah dibawah kuasa Kementerian tersebut dan kalimah Allah itu sememangnya sinonim penggunaannya dalam agama Islam dan Islam pula adalah agama Persekutuan. Dalam rayuan juga pihak KDN telah mengemukakan bahawa penggunaan tersebut bercanggah dengan enakmen negeri- negeri bagi Seksyen 9: Kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan-perkataan dan perbahasaan-perbahasaan tertentu yang bersumber Islam. Keputusan pada akhirnya diputuskan dibawah Mahkamah Persekutuan dan kemenangan kepada KDN dan umat Islam serta tuntutan Roman Catholic untuk menggunakan kalimah Allah dalam mengamalkan agama mereka menurut perlembagaan persekutuan diketepikan.

Bagi kes Jill Ireland Lawrence Bill v Kementerian Dalam Negeri, diperingkat Mahkamah Tinggi, Jill Ireland telah membuat beberapa tuntutan tetapi hanya dua tuntutan yang dibenarkan dan keputusan memihak kepada pemohon iaitu keputusan Kementerian Dalam Negeri yang telah merampas 8 audio CD pemohon melalui surat yang bertarikh 7 Julai 2008 dibatalkan dan memerintah Kementerian Dalam Negeri untuk mengembalikan semula 8 audio CD kepada pemohon. Seterusnya pihak KDN telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan namun ditolak kerana 2 tuntutan Jill Ireland yang dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi dikatakan munasabah dan benar serta menjadikan keputusan itu muktamad.

Kemudian 2 lagi tuntutan Jill Ireland telah dibawa ke Mahkamah Tinggi semula setelah diarahkan oleh Mahkamah Rayuan supaya tuntutan itu disemak semula iaitu pertama: Pengisytiharan pemohon bersama-sama anak Bumiputera Sabah dan Sarawak yang beragama Kristian mempunyai hak perlembagaan untuk mengamalkan agama kristian secara bebas tanpa sebarang halangan termasuk hak untuk menggunakan istilah-istilah keagamaan didalam bahasa Melayu dan Indonesia dengan cara yang sama mereka telah gunakan semasa Sabah dan Sarawak menyertai Mālaya untuk membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Kedua: Pengisytiharan bahawa naratif yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri yang bertarikh 5 Disember 1986 adalah tidak sah dan tidak berpelembagaan. Akhirnya keputusan mahkamah menolak satu tuntutan dan membenarkan tuntutan kedua dengan memutuskan bahawa Naratif bertarikh 5 September 1986 yang digunakan oleh KDN adalah tidak sah dan berpelembagaan kerana penafsiran memo kabinet berkenaan keputusan kalimah yang boleh dan tidak boleh digunakan oleh orang bukan Islam adalah berbeza antara KDN dan hakim Mahkamah Tinggi. Keputusan tersebut telah menatijahkan penggunaan kalimah Allah dan 3 lagi kalimah oleh penganut Kristian dalam pendidikan mereka adalah dibenarkan.

Terdapatnya perbezaan diantara kedua keputusan mahkamah bagi kes yang sama isunya adalah disebabkan wujudnya perbezaan hujah dari pihak pemohon. Dimana dalam kes penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan *The Herald*, pemohon iaitu pihak gereja katolik tidak membangkitkan kesahihan naratif bertarikh 5 Disember 1986 yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri manakala sebaliknya di dalam kes Jill Ireland pada tahun 2021. Kes pada tahun 2021, pemohon iaitu Jill Ireland telah membangkitkan kesahihan naratif tersebut dan membawa kepada penelitian

semula naratif tersebut dengan memo pejabat Timbalan Perdana Menteri bertarikh 17 Mei 1986 oleh hakim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

### **6.2.3 Penggunaan Kalimah Allah Oleh Penganut Kristian Di Malaysia Dari Perspektif *Maqāsid Sharī'ah***

Perbincangan dalam Bab 5.3.2 telah memberi satu penjelasan akan kewajaran penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia menurut *Maqāsid Sharī'ah*. Perbincangan ini adalah keputusan daripada temu bual bersama pakar sharī'ah iaitu 2 pensyarah daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan seorang pensyarah daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Secara 'uruf nya di Malaysia, kalimah Allah merupakan satu kalimah ketuhanan yang sinonim dengan umat Islam dan tidak digunakan atau disebutkan secara lisan sebagai tuhan kepada agama lain. Orang Islam menyebut Allah di Malaysia manakala orang Kristian menyebut *God* di semenanjung dan sesetengah sahaja yang menggunakan kalimah Allah di Sabah dan Sarawak. Tindakan penganut Kristian yang ingin menggunakan kalimah Allah dalam kitab bible dan sistem pendidikan mereka adalah dilihat tidak wajar di Malaysia menurut *maqāsid sharī'ah* kerana 'uruf nya ia dipakai oleh umat Islam dan penganut Kristian memanggil tuhan bapa mereka sebagai *God*. Alasan menterjemah *God* sebagai Allah adalah dilihat tidak sesuai di Malaysia menurut *maqāsid sharī'ah* kerana demi menjaga agama, diri dan akal generasi akan datang.

Penggunaan kalimah Allah tidak wajar digunakan oleh penganut Kristian di Malaysia adalah kerana demi menjaga agama dan pemikiran generasi sekarang dan lebih pentingnya generasi akan datang. Sekiranya penganut Kristian menggunakan kalimah Allah ia akan menyebabkan wujudnya salah faham kepada generasi akan

datang tentang konsep Allah yang sebenar dalam Islam. Ini kerana, di Malaysia sejak awalnya lagi, kalimah Allah itu hanya merujuk kepada tuhan yang Esa oleh umat Islam bukan Tuhan Bapa seperti dalam konsep trinititi yang dipegang oleh penganut Kristian. Ini telah melibatkan isu tauhid dan akidah mereka kerana salah pegangan kepada Allah akan menyebabkan rosak akidah dan tauhid mereka.

Apabila membincangkan isu kalimah Allah, memang benar penganut Kristian mempunyai hak untuk menggunakan kalimah tersebut kerana dalam al-quran juga tidak ada ayat yang melarang penggunaannya akan tetapi apabila dibincangkan menurut *'uruf* dan *maqāsid* di Malaysia, dikhuatiri mereka mempunyai niat yang tersembunyi. Kekhuatiran ini juga timbul untuk menjaga agama Islam menurut *maqāsid sharī'ah* di Malaysia kerana dalam ibadah seharian mereka tidak menggunakan kalimah Allah seperti yang mereka perjuangkan. Jika disebutkan kalimah Allah di negara Arab ia tidak menjadi masalah buat penganut agama Islam dan bukan Islam di sana kerana sejak berzaman mereka sememangnya menggunakan kalimah tersebut untuk agama-agama di sana.

*Ḥifz nafs* iaitu melindungi diri juga akan tercapai dengan mencapai ketenteraman sesama masyarakat dalam negara Malaysia. Ini kerana, maruah umat Islam telah tercabar apabila penganut Kristian cuba untuk menggunakan kalimah Allah. Islam merupakan *rahmatan li'alāmin* dan sekiranya peraturan *maqāsid sharī'ah* dipatuhi maka ia selamat bukan hanya kepada orang Islam sahaja tetapi juga kepada semua. Sekiranya penganut Kristian menghormati sensitiviti umat Islam akan penggunaan kalimah Allah, maka *maqāsid ḥifz nafs* juga boleh dicapai dengan terzahirnya rasa keamanan. Oleh itu, adalah wajar sekiranya kalimah Allah tidak digunakan oleh penganut Kristian di Malaysia demi menjaga *maqāsid sharī'ah* iaitu *ḥifz dīn*, *ḥifz nafs* dan *ḥifz 'aql*.

### 6.3 Cadangan

Polemik penggunaan kalimah Allah ini telah menimbulkan keresahan dan konflik yang berpanjangan antara umat Islam dan penganut Kristian. Setelah meneliti keputusan mahkamah dan *maqāsid* penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia, penulis telah datang dengan beberapa cadangan yang boleh ditambah baik oleh pihak kerajaan dengan bantuan institusi-institusi yang bertanggungjawab:

- a) Dicadangkan kepada mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan oleh Sultan Selangor dan yang diantara ahlinya Perdana Menteri Malaysia dan Ketua Menteri Negeri-negeri seluruh Malaysia, Ahli-ahli Dilantik MKI dari kalangan pakar akademik dan profesional serta Ketua Pengarah JAKIM sebagai Setiausaha Majlis untuk membincangkan semula kalimah berkait dengan Islam yang boleh digunakan dan tidak boleh digunakan oleh penganut bukan Islam supaya satu keputusan muktamad dapat mengikat penggunaan kalimah-kalimah yang dibincangkan dan mengakhiri polemik penggunaan kalimah Allah di Malaysia serta tidak dipersoal di peringkat mana-mana mahkamah.
- b) Disyorkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dibantu oleh cawangan Muzakarah dan Penyelarasan Penyelidikan dibawah Bahagian Penyelidikan untuk membincangkan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian menurut *maqāsid shari'ah* dalam mesyuarat panel pakar seterusnya mengeluarkan satu garis panduan penggunaan kalimah Allah untuk faedah masyarakat di Malaysia secara umum agar toleransi dan keamanan antara penganut agama Islam dan bukan Islam dapat dicapai serta tidak ada lagi isu penggunaan kalimah Allah yang berbangkit.

#### 6.4 Kesimpulan

Isu kalimah Allah akan terus menjadi satu isu yang hangat tidak berpenghujung sekiranya ia tidak diselesaikan. Perkara ini lebih mendapat perhatian ramai apabila pada tahun 2023 pihak Kementerian Dalam Negeri dan kerajaan Malaysia menarik semula rayuan mereka di Mahkamah Rayuan. Perkataan Allah merupakan kata nama khas dalam Bahasa Arab dan tuhan yang esa dalam agam Islam. Berbeza dengan konsep yang dipegang oleh Kristian iaitu konsep trinit dan Allah merupakan tuhan bapa. Penggunaan kalimah Allah dalam Bible terjemahan Bahasa Melayu adalah merujuk kepada terjemahan kalimah *God* atau pun Tuhan Bapa dan *Lord* adalah tuhan anak iaitu Jesus. Alasan penghakiman mahkamah dalam kes Roman Catholic Archbishop akhirnya memihak kepada Kementerian dalam Negeri kerana arahan Kementerian tersebut dikatakan sah dan berpelembagaan. Manakala dalam kes Jill Ireland, ia memihak kepada penganut Kristian kerana dikatakan bahawa keputusan KDN adalah berdasarkan naratif yang tidak sah dan tidak berpelembagaan. Penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian dilihat tidak wajar di Malaysia menurut *maqāsid sharī'ah* demi menjaga agama, menjaga akal dan menjaga nyawa. Diharapkan kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berwajib dalam menyelesaikan konflik kalimah Allah daripada berpanjangan dan menatijahkan kepada ketenteraman awam.